

TARIKH IKLAN: 25/07/2024



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor **Bumiputera** di Daerah Dungun yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Binaan Malaysia (CIDB) & ~~Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)~~ yang pendaftarannya masih berkuatkuasa di dalam Kod Bidang yang berkaitan bagi perkhidmatan berikut:-

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KELAYAKAN
<u>KRBB/PER/PT/7/1/2024</u>	Kerja – Kerja Membaikpulih Lantai Makmal Sains Bahan Bangunan Inovasi Di UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi. Harga Dokumen : RM0.00 Senaskhah	Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) : Gred G1 Kategori B Pengkhususan B04

1. Dokumen Meja Tawaran akan dipamer **pada 30/07/2024** di Kaunter Pejabat Bendahari, UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Bukit Besi pada waktu pejabat.
2. Lawatan Tapak / Taklimat bagi Sebut Harga di atas akan diadakan pada **30/07/2024 pukul 10.00 pagi** bertempat di **Bilik Mesyuarat Perdana, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi**.

Nota: Dalam Pematuhan SOP (Penjarakan Sosial), pihak syarikat diwajibkan mengisi Borang Saringan Covid-19 UiTM / Mengimbas MySejahtera terlebih dahulu sebelum memasuki kawasan UiTM untuk menghadiri Lawatan Tapak pada hari berkenaan. (<https://saringc19.uitm.edu.my/>) Sila patuhi semua SOP yang telah ditetapkan oleh pihak UiTM semasa sesi Taklimat / Lawatan Tapak.

3. Kehadiran Penyebutharga ke Taklimat dan Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Hanya Penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang boleh menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak tersebut. Penyebutharga tidak boleh mewakili pegawai selain daripada Penama di dalam sijil-sijil yang dinyatakan.
4. Dokumen Tawaran boleh dibeli **Selepas Taklimat Dan Lawatan Tapak** di Kaunter Pejabat Bendahari, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi, 23200 Bukit Besi, Terengganu dengan menggunakan **Pembayaran Tanpa Tunai (Kad Debit / Kredit)**.

5. Sekiranya terdapat keperluan untuk mendapatkan maklumat lanjut, pihak syarikat boleh menghubungi (**No.Telefon : 09-833 5024 / 5025**) dalam tempoh iklan.
6. Petender-petender dikehendaki membawa **SALINAN Sijil KKM / SPKK dan Sijil Taraf Bumiputera** dalam Bidang / Gred seperti di atas semasa membeli Dokumen Tawaran tersebut (jika berkaitan).
7. Dokumen Sebut Harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **di PEJABAT BENDAHARI, UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Bukit Besi, 23200 Bukit Besi, Terengganu** dengan menulis nombor dan tajuk Sebut Harga di sebelah kiri atas di sampul tawaran berkenaan.
8. Tawaran Sebut Harga akan ditutup pada **06/08/2024 Jam 12.00 tengahari.** Tawaran Sebutharga yang lewat diterima dari waktu tutup **tidak akan dipertimbangkan.**